

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU  
DI KUALA TERENGGANU  
DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA PERMOHONAN PENGISYTIHARAN  
PENERIMAAN MASUK SEBAGAI PEGUAM SYARI'E DI NEGERI TERENGGANU**

**PERMOHONAN NO : 11200-065-XXXX-2017**

**En. XXXX  
PEMOHON  
KP: 750711-11-XXXX**

**DI HADAPAN YANG ARIF  
TUAN HAJI KAMALRUAZMI BIN ISMAIL, P.J.K.  
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU  
DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI KHAMIS, 27 RABIUL AKHIR 1438H  
BERSAMAAN 26 JANUARI 2017**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon di atas, permohonan ini dipanggil untuk pendengaran di dalam Dewan Bicara Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dalam kehadiran Pemohon yang diwakili Peguam Syari'nya. Pemohon, En. XXXX KP: 750711-11-XXXX diwakili Peguam Syari'e Encik AAA dari Tetuan Khairul Sofian Anuar & Co,. Setelah mendengar keterangan yang diberikan oleh Pemohon beserta affidavit Pemohon yang diikrarkan pada 22 Januari 2017, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT;**

Permohonan yang didengar ini adalah permohonan untuk Pengisytiharan dan Perlantikan Peguam Syari'e Negeri Terengganu iaitu untuk diisytiharkan bahawa Pemohon diterima masuk sebagai Peguam Syari'e dan dibenarkan beramal di Negeri Terengganu ini. Pemohon telah mengemukakan permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan kelulusan pengisytiharan dan perlantikan tersebut menurut *Sekyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) bil. 2/2001 (Pindaan) 2012* dan *Subkaedah 19(1) Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015*,. Permohonan ini dibuat oleh kerana penerimaan masuk Pemohon telah diperakui dan diluluskan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) berdasarkan surat bertarikh 15 Januari 2017. Dengan pengisytiharan masuk sebagai Peguam Syari'e itu juga, maka Pemohon adalah dibenarkan beramal dan mengendalikan segala tindakan Syariah serta prosiding di Mahkamah-Mahkamah Syariah di Negeri Terengganu.


### ***Ulasan Penghakiman***

1. Berdasarkan Seksyen 57 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2012 dan Subkaedah 19(1) Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015, Mahkamah berpuashati bahawa Mahkamah ini berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini.
2. Menurut Kaedah 2 Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015, tafsiran Peguam Syari'e ertinya *seseorang yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie oleh Majlis dan didaftarkan di bawah Kaedah-kaedah ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain sebelum Kaedah-Kaedah ini berkuatkuasa*. Manakala Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002, Peguam Syarie ertinya *seseorang berkelayakan yang diterima sebagai*

*Peguam Syarie di bawah (peruntukan undang-undang yang sedia ada) dan termasuklah mana-mana Pendakwa Syarie, dan mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3(2) Akta Bantuan Guaman 1971, Akta 26.*

3. Berdasarkan keterangan Pemohon serta affidavit permohonan dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, Mahkamah berpuashati bahawa permohonan Pengisytiharan Penerimaan Masuk Sebagai Peguam Syarie Negeri Terengganu adalah wajar dan semua syarat yang dinyatakan di dalam Kaedah 16 Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015 telah dipenuhi.
4. Di sini, Mahkamah mengambil kesempatan untuk mengingatkan Pemohon yang dilantik agar memikul amanah sebagai Peguam Syarie dengan sebaik-baiknya dalam membantu Mahkamah meletakkan sesuatu di tempat yang betul yakni mencapai keadilan. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Pemohon sebagai Peguam Syari'e untuk memperkenalkan serta mempromosikan undang-undang Syariah sebagai undang-undang yang lebih adil dan lebih baik. Peguam yang ideal seharusnya mereka yang benar-benar cintakan undang-undang selaras dengan Hukum Syarak, peka dan cakna dengan perkembangan undang-undang serta sentiasa membuat nilai tambah dalam penghujahan.
5. Syariah atau undang-undang Islam adalah bertujuan untuk menegakkan keadilan mutlak. Islam menghendaki agar hak diberikan kepada yang berhak. Seseorang itu dibenarkan mempertahankan haknya dari dicabul, merampas hak orang lain bererti zalim. Islam tidak pernah bertolak ansur di dalam menegakkan keadilan. Keadilan yang wajib ditegakkan adalah meliputi semua aspek dan bidang, termasuklah dari segi undang-undang, pembahagian kekayaan, tindak-tanduk dan seterusnya. Ini

termasuklah dari segi mendengar perbicaraan, memutuskan kes-kes, mengemukakan fakta, keterangan dan pengolahaan dan pembentangan kes-kes semasa perbicaraan. Berlaku adil dalam semua tindakan adalah menjadi tuntutan Islam. Firman Allah S.W.T di dalam surah An-Nisa' ayat 135 :



Maksudnya :

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”

Tambahan lagi firman Allah S.W.T di dalam surah As-Syura ayat 15 iaitu :





*“Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka; dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim”.*

7. Mahkamah juga ingin menekankan agar Pemohon yang dilantik sebagai Peguam Syari'e patuh kepada peruntukan Undang-undang, Kaedah-kaedah khususnya Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015 serta Arahan Amalan No. 4 Tahun 2002 - Etika Peguam Syarie dan Arahan-arahan Amalan yang lain.

## **KEPUTUSAN**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon, kes ini telah ditetapkan untuk pendengaran pada hari ini di Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Terengganu dengan kehadiran Pemohon bersama Peguam Syarie, Encik AAA dari Tetuan Khairul Sofian Anuar & Co,. Setelah meneliti permohonan dan mendengar keterangan dari Pemohon dan affidavit yang diikrarkan Pemohon bertarikh 22 Januari 2017, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT :**

1. Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon untuk mendapatkan pengisytiharan penerimaan masuk sebagai Peguam Syari'e di Negeri Terengganu berdasarkan Seksyen 57 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2012 dan Subkaedah 19(1) Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015.
2. Mahkamah dengan ini mengisytiharkan bahawa penama yang berikut :

**2.1 XXXX**

**KP: 750711-11-XXXX**

adalah seorang Peguam Syari'e Negeri Terengganu dan berhak hadir dalam mana-mana prosiding di seluruh Mahkamah Syariah Negeri Terengganu.

3. Mahkamah memerintahkan Pemohon hendaklah mendapat Sijil Amalan Guaman Syari'e sebelum hadir dan mewakili mana-mana pihak dalam Mahkamah Syariah Negeri Terengganu berdasarkan Subkaedah 19(1) Kaedah-kaedah Peguam Syari'e (Terengganu) 2015.

**DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN** saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada hari ini, 27 Rabiul Akhir 1438H bersamaan 26 Januari 2017.

**METERAI**

**HAKIM SYARI'E**